

Dr. M pengerusi jawatankuasa kaji peranan Komanwel

UM 25 OCT 1989

② *Arif*

KUALA LUMPUR 24 Okt. — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad telah dilantik menjadi Pengerusi dan Penyelaras Jawatankuasa Ketua - Ketua Kerajaan Komanwel untuk mengenalpasti peranan yang dapat dimainkan oleh Komanwel untuk kepentingan negara anggota dan dunia umumnya.

Pembentukan jawatankuasa yang dianggotai oleh 10 Ketua Kerajaan Negara Komanwel itu telah dicadangkan oleh Setiausaha Agung Komanwel, Sridath Ramphal dan diterima oleh Mesyuarat Ketua - Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di sini.

Pengumuman ini adalah salah satu perkara yang terkandung dalam kenyataan bersama yang dikeluarkan di akhir CHOGM itu yang berlangsung selama seminggu.

Sembilan ketua kerajaan lain yang menganggotai jawatankuasa berkenaan ialah Perdana Menteri Britain, Margaret Thatcher, Perdana Menteri Australia, Bob Hawke, Perdana Menteri Kanada, Brian Mulroney, Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew, Perdana Menteri India, Rajiv Gandhi, Presiden Zambia, Kenneth Kaunda, Perdana Menteri Jamaica, Micheal Manley, Perdana Menteri Bahamas (pemangku), Sir Henry Taylor dan Presiden Nigeria, Ibrahim Badamasi Babangida.

Menurut kenyataan itu, selain dari mengenalpasti peranan yang dapat dimainkan oleh Komanwel ia juga akan mengkaji sama ada institusi Komanwel serta sekretariat mempunyai kemampuan yang mencukupi untuk melaksanakan tugas itu.

Jawatankuasa berkenaan diminta mengemukakan laporan kajian mereka kepada Mesyuarat Ketua - Ketua Kerajaan Komanwel 1991 yang akan diadakan di Harare, Zimbabwe.

Katanya, salah satu bidang yang ketua - ketua kerajaan setuju di mana Komanwel dapat memainkan peranan penting ialah menguatkan institusi demokrasi di negara - negara anggota.

Ia akan dijalankan melalui pengukuhan proses pilihanraya yang akan diadakan dan lain - lain proses perlembagaan melalui pengirisan misi pemerhati Komanwel ke negara anggota yang memohonnya.

Jawatankuasa itu juga diminta menimbang soal keahlian Komanwel.

Tugas jawatankuasa itu khususnya berhubung dengan struktur kerjasama Komanwel akan dibantu oleh sekumpulan pegawai yang pakar.

Menurut kenyataan itu dalam CHOGM Kuala Lumpur semua ketua kerajaan menyuarakan rasa bangga ke atas sumbangan Komanwel dalam keamanan, keadilan, sosial, kemajuan ekonomi kepada negara anggota dan dunia.

Katanya, mereka berpendapat dalam menghargai tahun 1990 Komanwel perlu memperluaskan peranannya.